

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1991/92

Oktober/November 1991

HSK 402 - Sejarah: Teori dan Kaedah

Masa: [3 jam]

Kertas peperiksaan ini mengandungi ENAM [6] soalan dalam DUA [2] muka surat.

Jawap TIGA [3] soalan, sekurang-kurangnya SATU [1] soalan daripada setiap bahagian A dan B.

BAHAGIAN A

1. "Bagi sejarah, objek yang dikaji bukanlah semata-mata peristiwa sahaja tetapi pemikiran yang dinyatakan di dalamnya." - R.G. Collingwood.

Setujukah anda dengan Collingwood bahawa pembentukan semula pemikiran manusia adalah keistimewaan sejarah?

2. "Pengkajian sejarah pada pokoknya masih cuba untuk mengesan keadaan-keadaan khusus yang mencetuskan sesuatu kejadian sejarah, dan tidak berminat mencari unsur-unsur persamaan berkenaan sesuatu jenis tindakan manusia." - R. Suntharalingam

Bincangkan.

3. Mengikut E.H. Carr, kajian sejarah semestinya melibatkan pemilihan. Kalau demikian, bagaimanakah seorang ahli sejarah boleh mencapai objektiviti?

BAHAGIAN B

4. "Persembahan fakta yang tepat, walaupun bagaimanapun tidak menarik dan bersifat kebetulan, tidak boleh disangkal adalah hukum tertinggi". - Leopold von Ranke

Setujukah anda dengan pandangan ini? Mengapa?

.../2

5. Apakah, pada pandangan anda, ahli sejarah yang melihat sejarah sebagai satu sains kemasyarakatan telah berjaya membawa fahaman sejarah yang lebih mantap dan mendalam?

Anda boleh menjawab soalan ini berasaskan pilihan samada aliran Annales atau aliran Marxis.

6. Sejauh manakah pada pandangan anda kajian-kajian aliran Subaltern telah berjaya mendedahkan dan memperbetulkan prasangka yang dikatakan ujud dalam pensejarahan elitis?

-ooooOoo-